



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar

Utusan Malaysia - KDNK Tidak Boleh Diukur Ikut dolar Amerika Syarikat

Utusan Malaysia - KDNK Tidak Boleh Diukur Ikut dolar Amerika Syarikat

🕒 Jumaat, Ogs 25 2017



KDNK tidak boleh diukur ikut dolar Amerika Syarikat

PUTRAJAYA 24 Ogos - Nilai mata wang dolar Amerika tidak relevan untuk dijadikan ukuran dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kerana ekonomi Malaysia matang dan berada pada kedudukan yang tersendiri.

Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, tindakan mengukur KDNK dalam dolar Amerika boleh menjejaskan polisi ekonomi dan kedaulatan negara.

Beliau menjelaskan, penyusunan KDNK kini adalah selaras dengan piawaian antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Malah ia mengikut ketetapan Jabatan Perangkaan dan digabungkan secara

Waktu Solat

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya	5.52	7.09	1.18	4.30	7.23	8.33
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya	5.56	7.12	1.23	4.33	7.29	8.40
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya	5.46	7.01	1.11	4.25	7.17	8.26
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya	5.46	7.03	1.10	4.23	7.13	8.23
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya	5.21	6.34	12.45	3.58	6.48	7.58

**Pekeliling
Perbendaharaan**



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,

meluas merangkumi semua sektor ekonomi.

“Cadangan agar ekonomi negara diukur dalam dolar Amerika boleh menimbulkan kekeliruan bahkan mencerminkan pemahaman yang lemah tentang bagaimana ekonomi berfungsi,” tegasnya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) dalam sebuah portal berbahasa Inggeris yang mencadangkan KDNK diukur dalam dolar Amerika.

Mengulas lanjut Johari menjelaskan, ekonomi Malaysia diukur melalui aktiviti yang diuruskan oleh isi rumah, perniagaan dan kerajaan dalam ringgit kerana ini lebih mencerminkan ekonomi negara.

Tambah beliau, KDNK negara dilaporkan berada pada harga



JOHARI ABDUL GHANI

yang sentiasa berubah yang mana ia mengambil kira kesan perubahan harga dan pergerakan kadar pertukaran.

“Dalam kata lain KDNK mencerminkan hanya pada perubahan dalam kuantiti barangan dan perkhidmatan

yang dihasilkan dalam negara,” katanya.

Johari berkata, Malaysia sememangnya telah mencatat pertumbuhan yang baik iaitu sebanyak 5.8 peratus pada suku tahun kedua tahun ini dan 5.6 peratus pada suku tahun pertama berbanding tempoh yang sama pada 2016.

“Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia, kita wajar mengalu-alukan perkembangan (pertumbuhan KDNK ini) dengan terus bekerja keras untuk mencatat pertumbuhan sepanjang tahun ini,” katanya.

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**